



**TEKS PERSEMBAHAN UCAPAN ALU-ALUAN  
MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN HARI WARGA EMAS DAN HARI KANAK-KANAK PERINGKAT  
KEBANGSAAN 2015**

**OLEH :  
YANG BERTHORMAT DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**3 OKTOBER 2015 (SABTU)  
PERSADA JOHOR BAHRU, JOHOR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

**Menghadap**

Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Al-Marhum Sultan Idris Shah.

Ampun Tuanku

Patik bagi pihak Kerajaan Persekutuan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri berangkat bercemar duli ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2015.

Berseri Tanah Hujung Medini,  
Kini Johor membangun senegeri,  
Permaisuri sudi bercemar Duli,  
Menjunjung kasih ucapan diberi.

Sesungguhnya keberangkatan Tuanku Permaisuri membuktikan kesungguhan dan keprihatinan Intitusi DiRaja untuk mendekatkan lagi hubungan dengan rakyat jelata. Ianya sangat bermakna dan amat ditunggu-tunggu oleh patik sekalian khususnya warga emas dan kanak-kanak yang berada di sini pada hari ini.

Patik juga menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Mulia Cik Puan Khaleeda Binti Bustamam ke majlis ini.

**Ampun Tuanku,**

**Patik mohon perkenan untuk berucap kepada para hadirin sekalian.**

YB Puan Hajah Asiah Bt Md Ariff, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor

Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

YB Dato' Haji Ismail bin Karim. Setiausaha Kerajaan Johor dan Datin Yang Berhormat Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif Kehormat

Yang diraikan warga emas dan kanak-kanak yang disayangi.

## **Pendahuluan**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNYA mengizinkan kita serta rakyat jelata untuk sama-sama berhimpun dalam Majlis Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2015, di Dewan PERSADA, Johor Bahru pada hari ini.

## **Gabungan Sambutan Hari Warga Emas dan Kanak-Kanak**

2. Pemilihan Negeri Johor Darul Takzim sebagai tuan rumah untuk Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 adalah untuk memberi peluang kepada semua peringkat masyarakat menikmati program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Selain itu, sambutan diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan perlindungan dan keselamatan terhadap warga emas dan kanak-kanak serta mengeratkan hubungan inter generasi dari semasa ke semasa.
3. Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan disambut secara serentak buat kali kedua pada tahun ini dengan temanya "**Sayang Kamu**". Tema ini dipilih sebagai manifestasi tanggungjawab dan peranan semua pihak dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga emas serta kanak-kanak diberi keutamaan. Selain itu, masyarakat juga perlu terus mengekalkan budaya saling menghormati serta hidup dengan harmoni dalam Negara ini.
4. Selain itu, kesedaran masyarakat mengenai hak dan keperluan warga emas dan kanak-kanak perlu dipupuk. Mereka mempunyai hak untuk hidup dalam persekitaran yang selamat dan kondusif, hak mendapat perlindungan serta turut diberi peluang sewajarnya mengikut kepakaran dan keperluan mereka demi keadilan sejagat. Justeru itu, penganiayaan terhadap kanak-kanak dan juga pengabaian warga emas adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan ditegah sama sekali dalam masyarakat kita.
5. Ini adalah salah satu sebab kedua-dua hari sambutan ini digabungkan dengan tujuan untuk merapatkan jurang antara generasi tua dan muda. Adalah diharapkan ia dapat mengukuhkan nilai-nilai murni dalam budaya masyarakat Malaysia untuk mencapai perpaduan negara selaras dengan Prinsip Rukun Negara. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat hidup dalam keadaan aman dan tenteram dengan mengamalkan budaya hidup saling hormat menghormati, menghargai jasa dan pengalaman, menyayangi di antara satu sama lain, memupuk kesedaran dan

memahami keperluan mengikut peringkat umur serta memelihara kedaulatan Negara tanpa berbelah bahagi.

## Warga Emas

6. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar budaya masyarakat penyayang tidak tenggelam bersama arus pembangunan, sebaliknya merupakan satu indikator yang menjadi kebanggaan sesebuah negara maju dan bertamadun. Budaya masyarakat penyayang hendaklah diwujudkan tanpa mengira umur, bangsa dan agama agar generasi masa kini mampu memayungi generasi akan datang dengan ciri-ciri kepimpinan serta teladan yang berharga walaupun dalam arus pembangunan yang semakin pesat.
7. Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua atau *aged nation* pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas berdasarkan definisi warga emas iaitu 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh *United Nation World Assembly on Ageing* di Vienna, 1982. Pada tahun 2014, jumlah penduduk Malaysia adalah seramai 30.10 juta orang dan seramai 2.65 juta orang atau 8.8% daripadanya adalah warga emas manakala seramai 9.9 juta orang atau 33% daripadanya adalah kanak-kanak. Oleh itu, sebagai salah sebuah agensi utama yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada warga emas dan kanak-kanak, tindakan secara pro-aktif telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kesejahteraan kedua-dua kumpulan sasar ini.
8. Sebagai pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia dalam Sidang Kemuncak ASEAN baru-baru ini telah mencadangkan satu deklarasi bertajuk "*Empowering Older Persons in ASEAN*". Cadangan ini akan diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan Ketua-Ketua Negara ASEAN dalam Sidang Kemuncak ASEAN kali ke 27 yang akan diadakan pada 19 hingga 21 November 2015 sebagai suatu pelan tindakan serantau bagi memperkasakan warga emas di rantau ini.
9. Di dalam negara pula, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2011 bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan warga emas ke arah penuaan sihat, aktif dan produktif. Kerajaan juga telah mengambil beberapa inisiatif antaranya melatih penjaga warga emas mengikut standard kemahiran kebangsaan atau lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard (NOSS) For Elderly Care Centre Operation Level 3* bagi meningkatkan kualiti penjagaan warga emas di institusi. Peningkatan kualiti penjagaan ini juga telah menjurus kepada satu lagi perkhidmatan baru yang bakal diperkenalkan iaitu **Respite Care** yang merupakan satu perkhidmatan alternatif kepada waris/penjaga untuk menempatkan **secara sementara** warga emas dalam jagaan di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.
10. Peranan yang dimainkan oleh Institut Gerontologi (IG) dalam penyelidikan penuaan dan khidmat profesional membantu Kerajaan dalam merangka tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan dengan tujuan agar penuaan penduduk tidak memberi kesan negatif kepada pembangunan negara. Sebagai langkah awal menangani cabaran penuaan penduduk, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Januari 2011. Salah satu strategi Jangka Sederhana (2010-2015) yang digariskan di bawah PTWEN

adalah penubuhan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (IPPM). Penubuhan IPPM adalah berlandaskan kepada pendekatan Blue Ocean Strategy yang membabitkan 3 buah kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Penjenamaan semula IG sebagai IPPM adalah merupakan satu langkah strategik yang dilihat mampumenggabungkan sumber kepakaran dalam bidang penuaan untuk memberi input kepada Kerajaan bagi menyediakan perancangan bersepadu dalam usaha menghadapi isu dan cabaran penuaan penduduk.

11. Selain daripada itu, dengan sukacitanya patik ingin memaklumkan bahawa bermula pada tahun ini negara kita akan menyambut **Hari Datuk Nenek** atau *Grandparents Day*. Sambutan ini akan disambut pada setiap Ahad minggu pertama bulan Oktober yang mana pada tahun ini sambutannya adalah pada **4 Oktober 2015** iaitu pada hari esok. Ia merupakan usaha sama antara Kementerian dengan Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia (Usiamas) bagi merapatkan jurang antara generasi. Antara program yang diatur bagi memperkenalkan sambutan ini adalah rakaman foto wajah seiras tiga generasi, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya.

## Kanak-Kanak

12. Bagi golongan kanak-kanak pula, Kanak-kanak di negara ini telah sekian lama dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Patik dengan berbesar hati ingin mengwar-warkan bahawa Kementerian telah menyediakan pindaan ke atas Akta Kanak-Kanak 2001 yang kini dalam semakan Jabatan Peguam Negara. Pindaan dan penambahbaikan di dalam Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (RUUKK) (Pindaan) ini ialah dengan memasukkan elemen penyertaan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), keadilan juvana (*juvenile justice*), jagaan kanak-kanak berasaskan keluarga, penglibatan orang awam dalam melindungi kanak-kanak, limitasi pendedahan kanak-kanak dalam media massa dan sebagainya.
13. Selain itu, Dasar Kanak-Kanak Negara serta Dasar Perlindungan Kanak-Kanak juga telah merancang pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan kanak-kanak, keluarga serta ahli masyarakat dalam aspek advokasi, pencegahan, perlindungan dan perkhidmatan sokongan. Selain itu, Kementerian dengan kerjasama pelbagai kementerian, agensi dan NGO telah membangunkan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (PTCOP). PTCOP ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Februari 2015. Pelan tindakan ini dibangunkan berdasarkan 4 aspek iaitu; advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan yang akan menjadi pemangkin dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen ibu bapa, guru, ahli masyarakat dan NGO. PTCOP ini juga akan membolehkan semua pihak yang berkepentingan untuk melaksanakan tanggungjawab advokasi, pencegahan dan intervensi awal bagi melindungi kanak-kanak dalam dunia siber.
14. Selaras dengan prinsip CRC yang menggariskan hak kanak-kanak untuk menyuarakan pendapat dan pandangan, Kementerian dari semasa ke semasa memastikan pandangan kanak-kanak diambil kira melalui sesi konsultasi dalam penyediaan atau penggubalan akta, laporan negara, dasar dan pelan tindakan serta

program yang melibatkan mereka. Antara sesi yang melibatkan kanak-kanak adalah seperti pindaan RUUKK dan pada masa terdekat untuk penyediaan Laporan Negara CRC dan Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak yang baharu.

15. Kini, Kerajaan juga telah memberi tumpuan serius terhadap aksesibiliti dan prasarana bagi kanak-kanak yang berumur bawah 4 tahun, agar kumpulan ini mendapat perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan awal yang berkualiti. Oleh itu, pada tahun ini, KPWKM telah mula mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk menyelaras silibus Kursus Asuhan Permata yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) agar ianya dapat digunakan di IPT Awam dan IPT Swasta berkenaan. Pada masa yang sama, Kementerian juga sedang meneroka peluang untuk menawarkan modul Kursus Asuhan Permata (KAP) kepada pelatih PLKN melalui PLKN Fasa Kedua (Latihan Laluan Kerjaya). Usaha ini akan melahirkan pengasuh dan pengusaha TASKA yang berpendidikan tinggi serta profesional bagi industri pengasuhan dan didikan awal kanak-kanak.

## Penutup

16. Bertepatan dengan tema “**Sayang Kamu**”, Kementerian amat mengharapkan agar masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dapat menghayati serta mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan yang telah dibina sejak dahulu lagi. Segenap lapisan masyarakat harus memainkan peranan dalam mewujudkan masyarakat yang penyayang dan harmonis. Sesungguhnya keamanan masyarakat dan negara adalah asas kepada kesejahteraan kanak-kanak dan warga emas.
17. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2015, Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, agensi-agensi Kerajaan dan swasta, Badan Korporat, Yayasan Kebajikan Negara, pertubuhan bukan kerajaan dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Sambutan pada kali ini.
18. Ampun Tuanku,  
  
Bagi mengakhiri ucapan, patik sekali lagi merafak sembah memohon ampun jika ada sebarang kekurangan di dalam penganjuran majlis pada hari ini dan jika terdapat kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan patik sebentar tadi.
19. Patik juga berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dilanjutkan usia, sihat sejahtera dan aman sentosa.

Permata selatan negeri tersohor,  
Aman harmoni tuah sejagat,  
Sungguh indah Negeri Johor,  
Dinaung Sultan dan Permaisuri berjiwa rakyat .

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,sembah patik pohon diampun.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.